



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

21 OGOS 2025 (KHAMIS)

Penternak Kerbau Rayu Lanjutkan Tempoh Pindah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	16	21 Ogos

Penternak kerbau rayu lanjutkan tempoh pindah



SEBAHAGIAN penduduk kampung dan ahli Persatuan Usahawan Petani dan Penternak Perak yang bersimpati dengan nasib yang diterima Nashender (lima dari kanan) mengadakan bantahan aman di Kampar semalam.

ternak lebih 120 ekor kerbau di luas 8 hektar yang kemudian di-
Tanjung Tualang sejak 25 tahun arahkan berpindah di kawasan
untuk jualan di seluruh negeri ini. berhampiran dengan keluasan
"Sebelum ini, kandang ini se- 0.2 hektar kerana kawasan ini

Nashender ditemani 20 pen-
duduk kampung sekitar ter-
masuk ahli Persatuan Usahawan
Petani dan Penternak Perak
yang bersimpati dengan kesu-
karan dialaminya.

Dia mendakwa, notis pengo-
songan itu terlalu singkat selain
pihak bertanggungjawab tidak
mencadangkan kawasan alter-
natif lain untuk ternakan hai-
wan.

Katanya, sekiranya isu itu
tidak diselesaikan dengan segera,
dia boleh mengalami kerugian
sehingga lebih RM200,000 selain
mengundang risiko kepada orang
awam.

"Risiko banyak kerana lebih
100 ekor kerbau akan berkeliaran
termasuk di jalan raya yang boleh
mengundang musibah kepada
orang ramai.

"Saya tidak mempunyai
masalah menyewa tanah di ka-
wasan lain atau pajakan tanah
lain untuk menyelesaikan isu ini,"
katanya.

KAMPAR - Seorang penternak
kerbau merayu pihak bertang-
gungjawab supaya dapat melan-
jutkan tempoh pengosongan dan
memberikan alternatif kawasan
kandang lain ekoran notis yang
diterimanya terlalu singkat un-
tuk sebarang tindakan lanjut.

Menurut Nashender Singh
Gurdip Singh, 35, notis pengo-
songan yang diterima daripada
Pentadbir Tanah Kinta lima hari
lalu terlalu singkat memuatkan
nya buntu lagi-lagi arahan itu
akan tamat pada esok.

"Saya merupakan generasi
kedua keluarga yang telah men-

Fomca Demands Phased Bans on Chlorinated Chicken, Ractopamine in Animals

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Code Blue	News	Online	20 Ogos



Federation of Malaysian Consumers Association (Fomca) chief executive officer Saravanan Thambirajah. Photo courtesy of Fomca.

KUALA LUMPUR, August 20 — The Federation of Malaysian Consumers Association (Fomca) has urged Malaysia to transition out of poultry chlorine washes and the use of ractopamine in all food-producing animals beyond banning it only for ruminants.

Fomca chief executive officer Saravanan Thambirajah pointed out that only one poultry slaughter plant in Malaysia uses the air-chilling method that avoids the need for chemical treatment, while also improving meat texture

and quality.

“If more plants adopt air chilling and other clean technologies, Malaysia can reduce its reliance on chlorine washes. This would not only align the country with higher international standards, but also reassure consumers who are increasingly concerned about chemical residues in their food,” Saravanan told CodeBlue in a statement yesterday.

“Therefore, while an outright immediate ban may disrupt

production, a phased transition supported by government incentives and technical guidance would be a responsible path forward.”

The consumer rights’ group noted that while the Department of Veterinary Services (DVS) under the Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM) allows chlorine washes in poultry processing as part of international Codex Alimentarius standards, the European Union (EU) has completely banned chlorine-washed chicken since 1997.

“Chlorine washes are meant to reduce microbial contamination after slaughter, but they often act as a corrective measure rather than addressing hygiene at its source,” said Saravanan.

He cited arguments from the EU that preventive hygiene measures – such as better farm management, stricter slaughterhouse sanitation, and advanced chilling methods – offer safer and more sustainable protection for consumers.

CodeBlue reported Monday that while Malaysia’s decision to remove tariffs on 191 American agricultural products has sparked concern over the entry of so-called “chlorinated chicken”

and hormone-treated beef into Malaysia, locally produced chicken is already permitted to be treated with a chlorine rinse at the end of the meat production process.

Malaysia also permits the limited use of ractopamine in pigs, but prohibits the growth promoter in ruminants (cattle, sheep, goats, and buffalo). Codex sets maximum residue limits (MRLs) for ractopamine in pigs and cattle. However, the EU has completely banned the use of ractopamine in all food-producing animals since 1996.

“Malaysia’s partial regulation—allowing use in pigs but restricting it elsewhere—places the country in an awkward middle ground that does not reflect the global trend toward precautionary bans,” said Fomca.

“If Malaysia is serious about aligning its food safety policies with international best practices, DVS should move toward a full prohibition of ractopamine in all food-producing animals. This would not only protect consumers, but also improve animal welfare and safeguard the reputation of Malaysia’s agricultural products in global trade.

“A clear policy with a gradual

phase-out period would help farmers adapt while ensuring the country does not remain out of step with its trading partners.”

Ractopamine is a feed additive used to promote lean muscle growth in livestock, with Fomca describing the beta-agonist as “highly controversial.”

“More than 160 countries, including the European Union, China, and Russia, have banned ractopamine entirely in pigs, cattle, and other animals, citing both health and animal welfare concerns,” Saravanan said.

“Studies have linked ractopamine residues in food to potential cardiovascular and neurological effects in humans, including increased heart rate and muscle tremors. At the farm level, the substance is known to cause stress and lameness in animals, raising significant ethical questions.”

DVS Enforcement ‘Uneven’, Rising Food Imports, GMO Food, Antimicrobial Resistance, Environmental Issues

Fomca highlighted several “structural challenges” in Malaysia’s food safety and agricultural system beyond poultry chlorine washes and ractopamine, citing the

strength and consistency of inspections and surveillance as the one of the most pressing issues.

“While DVS has a regulatory framework in place, enforcement remains uneven, with limited laboratory capacity and inconsistent public disclosure of test results. Building stronger inspection systems, including more trained officers, improved laboratories, and transparent publication of outcomes, would go a long way toward restoring consumer confidence,” said Saravanan.

He also expressed concern with Malaysia’s increased reliance on food imports, especially under recent trade liberalisation agreements that allowed zero tariffs on poultry and livestock products from the United States.

“This creates added pressure on Malaysia’s border controls and inspection regimes,” said Fomca.

“If oversight is not strengthened, there is a risk that products containing residues of chlorine, ractopamine, or other additives not widely accepted in Malaysia could reach consumers unchecked. Robust post-market surveillance and stricter

border testing should therefore become central priorities.”

Fomca further called for stricter regulation of genetically modified (GMO) foods, claiming that enforcement is weak and inconsistent compared with stricter models in the EU and Japan, even though GMO labelling is already mandated in Malaysia.

“Consumers deserve clarity and choice, and this can only be achieved through stronger compliance monitoring and proper traceability of GMO products.”

The consumer rights’ group listed antimicrobial resistance (AMR) as another critical issue.

“Overuse of antibiotics in poultry and livestock farming poses a long-term risk not only to animal health, but also to human health through the development of resistant bacteria. Malaysia must expand stewardship programmes, enforce stricter rules on antibiotic use, and encourage farmers to adopt safer alternatives.”

Finally, Fomca highlighted the often overlooked environmental dimension to food safety, noting that large-scale imports and

intensive farming practices come with a significant carbon footprint and sustainability concerns.

“Malaysia should integrate environmental standards into its food safety framework, ensuring that both local production and imports meet not only safety but also sustainability requirements,” said Saravanan.

“Equally important is consumer communication. Building trust through the regular publication of inspection results, risk assessments, and food safety alerts would strengthen public awareness and confidence in the system.”

Fomca told Putrajaya to move Malaysia’s food safety system from “minimal compliance” with Codex standards to a “more precautionary, preventive, and transparent approach.”

“On chlorine washes, the country should move toward a phased ban and adopt cleaner alternatives like air chilling. On ractopamine, a full prohibition across all food-producing animals is necessary for health, welfare, and trade alignment.

“And beyond these two issues, systemic improvements in inspections, import controls, GMO

regulation, antibiotic stewardship, sustainability, and public communication are crucial if Malaysia wants to ensure safe, ethical, and trustworthy food for its consumers.”-CODEBLUE

ASF: Penternak Diingatkan Tidak Guna Nama Ladang Lain Untuk Pindahkan Babi - JPV P.Pinang

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Berita	Online	20 Ogos



TASEK GELUGOR, 20 Ogos (Bernama) -- Penternak dan peraih babi di Pulau Pinang khususnya di Kampung Selamat, di sini diingatkan supaya tidak menyalahgunakan Akuat Kebenaran Pindah (AKP) untuk memindahkan ternakan mereka menggunakan nama ladang lain bagi mengelak penularan penyakit demam babi Afrika (ASF).

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata mereka juga dilarang untuk memindahkan babi

yang sakit atau telah disahkan positif penyakit itu ke rumah sembelih.

"Tindakan itu bukan sahaja menyalahi undang-undang, malah berisiko tinggi menyebarkan jangkitan ASF ke ladang dan kawasan lain kerana setakat ini babi yang dijangkiti penyakit itu dalam keadaan terkawal dan diharap tidak berlaku penularan.

"JPV turut meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan rumah sembelih seterusnya menjalankan surveilan serta pemantauan berterusan bagi memastikan

ladang lain kekal bebas ASF," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Beliau berkata sehingga kini, empat ladang di Kampung Selamat telah disahkan positif ASF dan 21 sampel babi yang disembelih di rumah sembelih telah disahkan positif ASF.

Saira Banu berkata hasil siasatan dan persampelan mendapati semua ladang yang dikaitkan dengan kes positif di rumah sembelih adalah negatif di peringkat ladang, kecuali satu ladang di Kampung Selamat.

Beliau berkata bagaimanapun ternakan babi yang disahkan positif di ladang itu tidak menunjukkan sebarang gejala atau tanda klinikal penyakit ASF dengan ternakan berkenaan telah dikuarantin selama 14 hari dan ujian semula juga menunjukkan keputusan negatif.

"Oleh itu, jumlah ladang positif ASF kekal empat dan setakat ini, sebanyak 351 ekor babi telah mati di ladang manakala 1,709 ekor telah dilupuskan menggunakan kaedah gas CO2 melibatkan empat ladang yang disahkan positif ASF," katanya.

Pada 12 Julai lepas, tiga ladang babi di Kampung

Selamat di sini disahkan positif ASF berdasarkan keputusan ujian makmal oleh Makmal Veterinar Zon Utara, dengan dua daripadanya menunjukkan kadar kematian ternakan yang tinggi sebelum satu lagi ladang disahkan dijangkiti ASF pada 27 Julai lepas.

Kampung Selamat mempunyai 63 ladang babi melibatkan kira-kira 120,000 ekor.-BERNAMA

Jangan Guna Nama Ladang Lain Pindah Babi, Penternak Diberitahu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
FMT	Tempatan	Online	20 Ogos



Pada 12 Julai lalu tiga ladang babi di Kampung Selamat, Pulau Pinang, disahkan positif ASF berdasarkan keputusan ujian makmal. (Gambar Bernama)

TASEK GELUGOR: Penternak dan peraih babi di Pulau Pinang khususnya di Kampung Selamat diingatkan tidak menyalahgunakan Akuan Kebenaran Pindah (AKP) untuk memindahkan ternakan mereka menggunakan nama ladang lain bagi mengelak penularan penyakit demam babi Afrika (ASF).

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang, Dr Saira Banu Mohamed Rejab, berkata mereka juga dilarang memindahkan babi yang

sakit atau disahkan positif penyakit itu ke rumah sembelih.

“Tindakan itu bukan sahaja menyalahi undang-undang, malah berisiko tinggi menyebarkan jangkitan ASF ke ladang dan kawasan lain kerana setakat ini babi yang dijangkiti penyakit itu dalam keadaan terkawal dan diharap tidak berlaku penularan.

“JPV turut meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan rumah sembelih seterusnya menjalankan

survelan serta pemantauan berterusan bagi memastikan ladang lain kekal bebas ASF,” katanya ketika dihubungi Bernama.

Beliau berkata, sehingga kini empat ladang di Kampung Selamat disahkan positif ASF dan 21 sampel babi yang disembelih di rumah sembelih disahkan positif wabak itu.

Saira Banu berkata, hasil siasatan dan persampelan mendapati semua ladang dikaitkan dengan kes positif di rumah sembelih adalah negatif di peringkat ladang, kecuali satu ladang di Kampung Selamat.

Beliau berkata, bagaimanapun ternakan babi disahkan positif di ladang itu tidak menunjukkan sebarang gejala atau tanda klinikal penyakit ASF dengan ternakan berkenaan dikuarantin selama 14 hari dan ujian semula juga menunjukkan keputusan negatif.

“Oleh itu, jumlah ladang positif ASF kekal empat dan setakat ini, sebanyak 351 ekor babi telah mati di ladang manakala 1,709 ekor telah dilupuskan menggunakan kaedah gas CO2 melibatkan empat ladang yang disahkan positif ASF,” katanya.

Pada 12 Julai lalu, tiga ladang

babi di Kampung Selamat disahkan positif ASF berdasarkan keputusan ujian makmal oleh Makmal Veterinar Zon Utara, dengan dua daripadanya menunjukkan kadar kematian ternakan yang tinggi sebelum satu lagi ladang disahkan dijangkiti ASF pada 27 Julai.

Kampung Selamat mempunyai 63 ladang babi melibatkan kira-kira 120,000 ekor.-[FMT](#)

Op Manuk: 15 ditahan Rampasan RM3 Juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Tempatan	2	20 Ogos

Utusan Borneo

Op Manuk: 15 ditahan, rampasan RM3 juta

Op Manuk itu dilaksana bagi membanteras kegiatan pembiakan dan penjualan baka ayam

20 Aug 2025 [+3 more](#) Oleh Hamzah Sanudin



RAMPASAN: Antara ayam sabung yang berjaya dirampas dalam operasi berkenaan.

KOTA KINABALU: Pasukan Gerakan Am (PGA) Sabah menahan 15 individu termasuk seorang wanita

warga asing dan merampas ayam sabung bernilai lebih RM3 juta menerusi 12 serbuan berasingan di

seluruh negeri.

Op Manuk itu dilaksanakan bagi membanteras kegiatan pembiakan dan penjualan baka ayam yang dipercayai digunakan untuk aktiviti sabung ayam.

Komander Briged PGA Sabah, Datuk Abdul Rani Alias berkata, serbuan dilakukan di beberapa daerah termasuk Kudat, Keningau, Sandakan, Lahad Datu dan

Tawau.

“Dalam serbuan pertama terbesar yang dijalankan Task Force Risik BN17 PGA di dua lokasi sekitar Lahad Datu, pasukan berjaya menahan dua lelaki tempatan serta merampas

barangan bernilai RM795,775.

“Kesemua mereka akan disiasat mengikut Seksyen 15(1) Enakmen Haiwan Sabah 2015,” katanya dalam kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, serbuan di lokasi lain pula membawa siasatan mengikut beberapa peruntukan undang-undang lain antaranya Seksyen 5(1) Enakmen Kebajikan Haiwan 2015, Jadual Dua Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 dan Seksyen 13(1) Akta

Pemusnah Serangga Pembawa Penyakit 1975.

Menurutnya, operasi itu turut mengesan ladang penternakan yang dijalankan tanpa lesen sah serta pelbagai kesalahan lain.

“PGA akan terus melaksanakan operasi seumpama ini demi menjaga keselamatan negara dan ketenteraman awam.

“Orang ramai yang ingin menjalankan aktiviti penternakan ayam dinasihatkan supaya mendapatkan permit sah daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah bagi mengelakkan salah laku dan keterlibatan dalam penyeludupan haiwan khususnya ayam sabung,” katanya.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR